

polimer

7 Isi tempat kosong dengan perkataan-perkataan yang betul.


- (a) Polimer ialah rantai panjang yang terdiri daripada molekul yang _____ jenis yang dikenali sebagai _____.
- (b) Polimer terhasil daripada proses yang dinamakan _____.
- (c) Contoh-contoh polimer semula jadi ialah _____, _____ dan _____.
- (d) Polimer sintetik diperbuat daripada _____.
- (e) Proses kimia untuk mengeraskan getah asli dinamakan _____.

8 (a) Berikan dua sifat getah asli.

(b) Namakan proses yang berlaku apabila asid ditambah ke dalam lateks.

(c) Apakah bahan yang digunakan untuk mencegah proses yang dinamakan dalam 8(b)?

(d) Rajah di bawah menunjukkan satu proses penambahan sulfur ke dalam getah asli.



(i) Namakan proses tersebut.

(ii) Berikan tiga kegunaan getah ter Vulkan.

